



Dr. Iqbal Cipta Komponen Baru Kesan Kanser Peringkat Awal



Dr. M. Iqbal Saripan menunjukkan Pengkolimat Jaringan Wayar yang berfungsi dengan meningkatkan sensitiviti mesin sedia ada untuk mengesan sel kanser peringkat awal bersaiz ~0.1mm.

SERDANG, 20 Mei – Dr. M. Iqbal Saripan dari Universiti Putra Malaysia (UPM) berjaya mencipta komponen baru atau pengkolimat dalam mesin pengimejan nuklear yang boleh mengesan sel kanser pada peringkat awal.

Pensyarah Jabatan Kejuruteraan Sistem Komputer dan Komunikasi UPM, Dr. Iqbal berkata penggunaan komponen yang diberi nama 'Pengkolimat Jaringan Wayar' boleh meningkatkan sensitiviti mesin sedia ada untuk mengesan aktiviti sel kanser dalam saiz yang kecil atau pada peringkat awal.

"Pengkolimat ini dipilih kerana ia lebih sensitif mengesan sebarang perubahan dalam aktiviti sel badan manusia dengan menggunakan kaedah simulasi jitu Monte Carlo.

"Pengkolimat sedia ada yang digunakan di hospital seluruh dunia hanya boleh mengesan sel kanser bersaiz ~10mm tetapi pengkolimat saya boleh mengesan sel bersaiz ~1mm," katanya pada sidang media Hasil Promosi Penyelidikan UPM.

Dr. Iqbal berkata pengkolimat ciptaannya mengubah struktur dalam perkakas konvensional alat pengimejan nuklear Single Photon Emission Computed Tomography (SPECT) yang digunakan secara meluas di Eropah dan United States.

Beliau berkata hospital tidak perlu membeli mesin baru yang memerlukan modal bernilai RM5 juta sebaliknya hanya menukar pengkolimatnya bagi menggantikan pengkolimat lama pada kos RM30 ribu bergantung kepada harga yang ditetapkan syarikat pengkomersialan.

Katanya berat pengkolimat jaringan wayar itu ialah 39kg dan 51kg berbanding berat pengkolimat konvensional sekitar 100kg.

Dr. Iqbal yang melakukan kajian tersebut selama tujuh tahun sejak tahun 2002 telah berjaya memenangi pingat emas pada pameran Salon International Des Inventions 2008 di Geneva turut menerima ucapan khas tahniah juri.

Selain itu, beliau turut memenangi Anugerah Pengerusi dan pingat emas Agensi Nuklear Malaysia serta pingat perak dalam Malaysian Technology Expo 2007.



Wartawan mendengar penerangan yang diberikan oleh Dr. M. Iqbal mengenai pengesanan awal sel kanser yang menggunakan pengimejan nuklear.

Disediakan oleh Seksyen Media dan Publisiti, Bahagian Komunikasi Korporat UPM.